

Hala tuju negara 2026 berteraskan reformasi dan kebajikan rakyat

Anwar umum
16 langkah cermin
komitmen
pentadbiran
Kerajaan MADANI

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
dan Rafidah Mat Ruzki
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan MADANI meneruskan agenda reformasi menyeluruh dengan menetapkan hala tuju jelas buat negara sepanjang 2026 ini, menerusi pengumuman pelbagai langkah penting oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam.

Sekurang-kurangnya 16 langkah diumumkan Perdana Menteri, yang merangkumi kebajikan rakyat, pemeraksanaan ekonomi, pembaharuan institusi dan penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Anwar berkata, langkah yang diumumkannya itu mencerminkan komitmen pentadbiran yang diketuainya untuk membina negara yang lebih adil, telus dan berdaya saing, selari dengan aspirasi Kerajaan MADANI.

Antara tumpuan utama ialah pengukuhan jaringan keselamatan sosial apabila Sumbangan Asas Rahmah (SARA) sebanyak RM100 kepada warganegara berusia 18 tahun ke atas akan dikreditkan bermula 9 Februari ini.

Pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 2026 Fasa 1 pula akan dibuat mulai 20 Januari ini.

"SARA tahun ini untuk semua rakyat, pada 22 juta rakyat Malaysia 18 tahun ke atas kita kreditkan pada 9 Februari 2026.

"Ini bermaksud (untuk) persiapan Ramadan dan juga untuk sambutan Tahun Baharu Cina," katanya ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri dan Amanat Tahun 2026, semalam.

Dalam usaha merangsang pertumbuhan ekonomi rakyat dan perusahaan tempatan, perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menikmati pengecualian cukai perkhidmatan ke atas sewaan bagi perniagaan dengan perolehan tahunan sehingga RM1.5 juta.

Sebelum ini pengecualian cu-



Anwar beramah mesra bersama warga Jabatan Perdana Menteri sempena Amanat Tahun Baharu 2026 di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

kai perniagaan adalah bagi perolehan tahunan antara RM500,000 sehingga RM1 juta.

Kerajaan turut melanjutkan tempoh peralihan pelaksanaan e-Invois tanpa penalti selama setahun kepada syarikat dengan nilai jualan antara RM1 juta hingga RM5 juta.

Bagi meringankan kos sara hidup, cukai perkhidmatan ke atas sewaan akan dikurangkan kepada enam peratus daripada lapan peratus.

Jualan Rahmah 3 kali sebulan

Pelaksanaan Jualan Rahmah MADANI yang bermula 9 Januari dan akan diadakan tiga kali sebulan di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi menstabilkan harga barangan asas, dengan lebih 23,000 jualan dirancang di 600 daerah dan 40 lokasi di Wilayah Persekutuan. Jualan Agro MADANI juga ditawarkan dengan harga sehingga 30 peratus lebih rendah.

Selain itu, Perdana Menteri menegaskan komitmen kerajaan untuk memastikan harga barangan asas serta bahan binaan seperti besi, keluli dan simen kekal stabil bagi mengekalkan kos sara hidup serta menyokong pembangunan, termasuk projek rumah mampu milik dan kos rendah.

Beliau berkata, kerajaan membelanjakan kira-kira RM1.2 bilion setahun bagi menstabilkan harga ayam dan penarikan balik subsidi tahun lepas tidak menyebabkan kenaikan harga.

Kerajaan juga akan mempertimbangkan kelonggaran syarat import sekiranya terdapat sumber yang lebih murah, bagi me-

ngekalkan harga rendah untuk pengguna dan sektor pembinaan.

Kerajaan turut memberi peneakan terhadap sektor pendidikan apabila Bantuan Awal Persekolahan sebanyak RM150 bagi setiap murid boleh diambil di sekolah masing-masing, selain peruntukan naik taraf sekolah berjumlah RM80 juta kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) dan RM50 juta kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT).

Sekolah agama rakyat (SAR) dan maahad tahfiz daif di seluruh negara juga akan menerima bantuan melalui dana segera berjumlah RM200 juta.

Ia bagi membolehkan semua murid yang belajar di institusi pendidikan agama yang bukan berada bawah sistem pendidikan kebangsaan turut menikmati kemudahan serupa dengan sekolah kerajaan.

Bagi mahasiswa pula, sebanyak RM15 juta diperuntukan untuk program Bank Makanan Dapur Siswa bagi memastikan tiada mahasiswa yang kelaparan.

Selain itu, Anwar berkata, kerajaan setuju menambah sebanyak RM100 juta kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) khusus untuk sektor e-hailing dan p-hailing.

"Kita tidak lupa juga ada anak-anak kita yang terbabit dalam e-hailing dan p-hailing, kita sudah sediakan RM800 juta untuk PTPK, tetapi ada yang mengatakan masih perlu sedikit, jadi saya tambah RM100 juta ringgit kepada anak-anak e-hailing, p-hailing," katanya.